

PM cadang Asia Timur usaha sama dalam IES

04/06/04 ms 2 UM

Daripada ZAINI HASSAN

TOKYO 3 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencadangkan satu bentuk usaha sama Integrasi Ekonomi Serantau (IES) dilancarkan oleh kerajaan-kerajaan di Asia Timur, termasuk mewujudkan satu kumpulan pemikir yang aktif, imaginatif dan kreatif untuk kesejahteraan rantau ini.

Dalam ucapannya bertajuk *Integrasi Serantau Asia - Melakukan Satu Lonjakan Besar* Perdana Menteri berkata, integrasi itu tidak memerlukan satu bentuk perjanjian yang besar, tidak juga satu kumpulan "Asiakrat" seperti "Eurokrat" di Brussels.

Apa yang perlu dilakukan katanya ialah: "Menyelesaikan masalah defisit idea, Asia Timur memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan daripada pelbagai institut dan kumpulan pemikir. Apa yang pasti, satu rangkaian yang aktif, imaginatif dan kreatif daripada kumpulan pemikir ini diperlukan segera.

"Adalah menjadi harapan saya, Kongres Kedua Asia Timur di Kuala Lumpur 18 hari dari sekarang dan Forum Asia Timur di Malaysia akhir tahun ini akan membuat satu sumbangan kukuh kepada cadangan itu yang kemudiannya akan dibawa kepada para pemimpin ASEAN+3 dalam pertemuan tahunan mereka."

Perdana Menteri berkata, matlamat jangka panjang praktikal IES ialah untuk mencipta satu bentuk Ekonomi Asia Timur, berbeza dengan bentuk yang diamalkan oleh negara Kesatuan Eropah (EU).

"Saya percaya objektif jangka panjang praktikal seharusnya berasaskan kepada 'Kekurangan EU dan Kelebihan ASEAN' (EU minus, ASEAN Plus) dengan menolak aspek tidak perlu, menyusahkan atau tidak produktif sebagaimana wujud dalam EU," katanya.

Persidangan yang dianjurkan oleh Nihon Keizai Shinbun Inc., itu diadakan sejak 1995 bagi menggalakkan pertukaran pendapat yang bebas untuk mewujudkan persefahaman rakyat di rantau

ini. Turut mengambil bahagian ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang terbabit dalam sesi perbincangan bertajuk *Mengamankahkan Impian kepada Generasi Asia Akan Datang*, bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos dan bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew dan bekas Perdana Menteri Vietnam, Fan Van Khai.

Menggariskan cara memajukan IES bagi Asia Timur, Abdullah menegaskan, pentingnya wujud suasana yang kondusif dengan memastikan segala keperluan seperti keselamatan, kesejahteraan, kestabilan dasar, ketelusan dan peraturan undang-undang.

Positif

"Kita perlu majukan bidang ekonomi, pelbagai kerjasama lain dan integrasi yang memberi kesan limpahan positif. Kita seharusnya fokus terhadap projek yang menjanjikan faedah kepada semua, bukan segelintir di kalangan kita saja.

"Biasanya adalah lebih baik memulakan sesuatu yang kecil dan memperluaskannya daripada melakukan sebaliknya - mula dengan besar dan kemudian mengecut," katanya.

Menurut Abdullah, IES yang kukuh di bidang ekonomi boleh diperluaskan ke bidang kewangan, pelajaran, kesihatan, buruh, sains, teknologi dan alam sekitar serta menjadi integrasi serantau Asia Timur lebih komprehensif - mencakupi bidang ekonomi yang lebih luas kepada politik dan diplomasi.

Menjelaskan pentingnya IES, Abdullah berkata, pada masa ini terdapat 190 perjanjian perdagangan bebas antara atau yang membabitkan anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Katanya, pada masa ini, selain Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), kerajaan-kerajaan di Asia Timur pada hakikatnya hampir tidak membabitkan kerjasama kerajaan walaupun mempunyai integrasi perdagangan yang besar.

Perdana Menteri berkata,

pada masa ini juga, tidak kurang daripada 44 perjanjian kerjasama perdagangan atau berkaitan perdagangan yang dirundingkan baru-baru ini, sedang dirunding atau akan dirunding tidak lama lagi membabitkan ekonomi Asia Timur.

Abdullah juga menegaskan pentingnya meneruskan usaha penubuhan sebuah Institusi Kewangan Asia sebagaimana dicadangkan oleh Jepun sewaktu kewangan Asia Timur, menghadapi krisis baru-baru ini.

Inisiatif

Perdana Menteri berkata, langkah awal yang patut diambil ialah berpandukan kepada inisiatif Chiangmai untuk menggerakkan penubuhan Institusi Kewangan Asia.

Institusi Kewangan Asia tidak sepatutnya bertelagah dan menggantikan Tabung Mata Wang Antarabangsa sebagaimana Bank Asia tidak bertelagah dan mengambil alih tempat Bank Dunia.

Jelasnya, institusi kewangan itu boleh memerhati Asia bukan saja bila berlaku keadaan bahaya dan krisis melanda, tetapi atas dasar 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, 365 hari setahun dengan mudah boleh dijustifikasikan.

"Jika masih ada keraguan berhubung penubuhan institusi itu, kita seharusnya dengan serius menimbang untuk mewujudkan segera kumpulan pemikir, institusi kewangan masyarakat Asia, sebagai mempelopori ke arah Institusi Kewangan Asia," katanya.

Mengenai mesyuarat tahunan pemimpin ASEAN+3 - Jepun, China dan Korea, adalah penting di segi simbolik, diplomatik dan politik, tetapi perlu mencetuskan idea kreatif dan produktif untuk memberi kandungan yang konkrit dan bermakna seperti menjadikan IES ke tahap lebih tinggi dan ke arah baru.

Selain perdagangan dan kewangan, Asia Timur perlu mewujudkan kerjasama dan integrasi di bidang kesihatan, sains dan teknologi, buruh dan alam sekitar.

Langkah agresif harus diambil untuk memajukan pelancongan dan pelajaran serantau, keduanya penting untuk mengurangkan jarak psikologi dan budaya.

Abdullah mengingatkan bahawa cabaran yang bakal dihadapi oleh pemimpin rantau ini di abad yang akan datang adalah membabitkan pembinaan masyarakat yang amanah, persahabatan dan keamanan.

"Kesejahteraan dan persahabatan rantau ini akan mengalamikan ancaman daripada pelbagai sumber. Perubahan di Semenanjung Korea, kebangkitan China, kemungkinan perbalahan serantau - di Selatan, Tengah dan Utara Asia Timur."

Abdullah berkata, sekiranya rantau ini boleh meningkatkan kerjasama politik dan integrasi, ia akan menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan pembangunan dalamannya.

"Jika kita bersatu dan bekerjasama secara diplomatik, sudah pasti kita akan meningkatkan kedudukan dan peranan sejagat.

"Saya percaya kita harus kukuhkan forum ASEAN+3 menjadi persidangan kemuncak yang tetap bagi masyarakat ekonomi Asia Timur.

"Peraturan baru ini akan memberikan satu pandangan yang luas kepada para pemimpin mengenai integrasi negara-negara Asia Timur dan dalam masa yang sama menyediakan satu platform pragmatik ke arah kerjasama ekonomi, politik dan diplomasi," katanya.

Selain itu, Abdullah turut menggariskan objektif praktikal dalam mewujudkan integrasi serantau yang sebenar, iaitu:

- Mendalamkan integrasi ekonomi serantau semasa.

- Melanjutkan integrasi ekonomi semasa kepada bidang-bidang yang lebih luas seperti kewangan, kesihatan, buruh, sains, teknologi dan alam sekitar.

- Mewujudkan integrasi serantau Asia lebih komprehensif - bukan hanya tumpuan kepada ekonomi, tetapi politik dan diplomasi. — Utusan